

DM 4.4: Cadangan Penambahan Bilangan Perangkap Kera Dan Kerjasama Strategik Agensi Kerajaan dengan PERHILITAN

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Peningkatan kes aduan kera bermasalah memerlukan penambahan perangkap kera oleh Jabatan PERHILITAN.
- Frekuensi dan jumlah lokasi perangkap yang dipasang juga akan meningkat sekali gus kecekapan tindakan adalah lebih efisien.
- Pihak yang terbabit boleh berkolaborasi bersama Jabatan PERHILITAN dalam proses tangkapan kera bermasalah.

Komponen Cadangan:

- Memberi sumbangan perangkap kera bersaiz 8'x8'x8' dan perangkap pemindahan kera 2'x 2' x3'.
- Perangkap yang lengkap boleh dipasang oleh pihak-pihak terbabit (PBT/Pejabat Daerah/JPKK/Pengusaha Tanaman) di kawasan aduan penduduk yang telah dikenal pasti.
- Jabatan PERHILITAN akan bertindak sebagai penyelaras atau pemantau bagi operasi-operasi yang dijalankan.

Kaedah Pelaksanaan:

- Membekalkan perangkap kera bersaiz 8' x 8' x 8' dan perangkap pemindahan kera 2' x 2' x 3'.
- Kerjasama berkongsi kepakaran antara Jabatan PERHILITAN dengan pihak terbabit.
- Agensi Jabatan PERHILITAN sebagai pelaksanaan pemantauan operasi yang dijalankan dalam menangani masalah konflik hidupan liar di kawasan petempatan desa.

CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **169 kampung**.

Daerah	Kampung Dalam Bandar	Kampung Luar Desa
Muar	72	24
Segamat	17	5
Tangkak	22	29
Jumlah	111	58

AGENSI PELAKSANA


Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> • KPLB. • PBT • Pejabat Daerah 	<ul style="list-style-type: none"> • PERHILITAN • PBT • Pejabat Daerah

ANGGARAN KOS

- Kos satu (1) unit perangkap kera bersaiz 8'x8'x8' = RM 2,500/kampung
- Kos satu (1) unit perangkap kera bersaiz 2'x 2' x3'. = RM 300/kampung

Jumlah Keseluruhan Kos: RM 473,200

FASA PELAKSANAAN



Penemuan Strategik

- Kerjasama Strategik Agensi Kerajaan dengan PERHILITAN



Foto: Contoh perangkap kera bersaiz 8' x 8' x 8'.

Sumber: Jabatan PERHILITAN, 2019



Foto: Susulan pemantauan Jabatan PERHILITAN Negeri Johor di Kg. Tenang, Segamat.

Sumber: Jabatan PERHILITAN, 2019



Pemberian Sumbangan Dalam Membekalkan Perangkap Kera

- Pihak Jabatan PERHILITAN, KASA dengan Kerjasama Pejabat Daerah Tangkak telah menganjurkan 'Program Kesejahteraan Rakyat Berteraskan Kawalan Gangguan Hidupan Liar.
- Pihak ini berupaya menyalurkan sumbangan untuk membekalkan perangkap – perangkap kera.
- Penambahan bilangan perangkap berupaya meningkatkan kecekapan pengurusan, frekuensi dan lokasi ia dipasang di petempatan desa.
- Kerjasama Pihak Pertanian Daerah Muar dalam pemindahan lokasi pemasangan perangkap kera dari Kg. Jorak ke Pt Hj Nor, Bakri Muar.



PERHILITAN Sebagai Penyelaras/Pemantau Terhadap Operasi Yang Dijalankan

- Perangkap yang lengkap boleh dipasang oleh pihak-pihak terbabit (PBT/Pejabat Daerah/JPKK/Pengusaha Tanaman) di kawasan aduan penduduk yang telah dikenal pasti.
- Jabatan PERHILITAN akan bertindak sebagai penyelaras atau pemantau bagi operasi-operasi yang dijalankan.
- Jabatan PERHILITAN akan berkongsi kepakaran dalam menyediakan perangkap kera dengan pihak-pihak terbabit bagi mengurus kawasan gangguan kera mereka sendiri.
- Sebagai contoh, PERHILITAN mengoperasikan tangkapan seekor gajah jantan di Kg. Tenang, Segamat Johor.

Sumber: Laporan Tahunan PERHILITAN, 2019